

02 NOV 1996

LAPORAN MINGGUAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Ringgit susut mendadak berbanding dolar Amerika minggu ini dalam dagangan bercampur-campur, ekoran permintaan berkala hujung tahun terhadap mata wang Amerika itu.

Unit tempatan itu ditutup hampir-hampir 200 mata lebih rendah pada 2.5255/60 berbanding dolar Amerika daripada 2.5058/68 ketika ditutup Jumaat lalu.

Seperti yang dijangkakan, kekuatan dolar di seberang laut berterusan selama lima hari dagangan kerana kebanyakan badan korporat Amerika dan Eropah membeli dolar bagi tujuan menghantar pulang keuntungan ke negara asal masing-masing sebagai persediaan bagi penutupan akaun pada akhir Disember.

Di pasaran tempatan, permintaan yang banyak terhadap matawang Amerika juga adalah disebabkan oleh pembayaran pinjaman luar pesisir, terutama oleh peniaga-peniaga antara bank asing.

Dagangan ringgit bermula dalam jajaran sempit pada hari Isnin, berikutan kenyataan seorang pegawai Bank Negara di Hong Kong bahawa bank pusat itu mungkin mengenakan lebih banyak sekatan bagi membendung aliran masuk "wang panas" ke Malaysia.

Berikutan itu, pasaran menguji tahap halangan terdekat 2.5200, setelah melepasi tahap psikologi 2.5185.

Kegiatan membeli dolar di seberang laut yang melebihi permintaan terhadap ringgit bagi tujuan komersil oleh pengeksport-pengeksporth tempatan menyebabkan unit tempatan itu susut selanjutnya pada hari Selasa dan Rabu. Perbandingan dolar/ringgit meningkat daripada 2.5135/40 pada penutupan hari Selasa kepada 2.5235/40 ketika ditutup pada hari Rabu.

Pada hari Khamis, ringgit kembali bertenaga selepas tengah hari, iaitu melonjak hampir-hampir 60 mata, apabila peniaga-peniaga yang beroleh keuntungan mengubah pegangan dolar yang lama dan membeli ringgit secara berlebihan.

Pasaran mengukuh sebagai reaksi kepada ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kejatuhan ringgit bukan disebabkan oleh ancaman AS untuk mengambil tindakan terhadap pelaburan Petronas di Iran.

Dr Mahathir berkata ini adalah kerana dolar telah meningkat disebabkan oleh keyakinan orang ramai bahawa Presiden Bill Clinton akan dipilih semula dalam pilihanraya Amerika Syarikat bulan ini.

Seorang peniaga tukaran matawang asing berkata memandangkan asas dan sentimen pasaran yang bercanggah, peniaga-peniaga kebingungan dan bimbang terhadap arah aliran pasaran sekarang.

Pada hari Jumaat, ringgit meneruskan aliran menurunnya pada awal dagangan berikutan permintaan spekulasi bagi dolar tetapi pulih sedikit menjelang penutupan setelah terdapat sedikit belian bagi menampung kekurangan.

Beliau menjangkakan ringgit akan mengukuh dan dagangan bagi dolar dijangka sepi minggu depan.

Berbanding mata wang-mata wang utama lain, ringgit susut mendadak berbanding dolar Singapura pada 1.7918/34 daripada 1.7681/97, lebih rendah berbanding 100 yen Jepun pada 2.2237/61 daripada 2.2118/47, turun berbanding pada 1.6620/29 daripada 1.6446/63 dan menjunam berbanding paun sterling pada 4.1335/68 daripada 3.9966/07.

Di pasaran wang, Bank Negara nampaknya tidak campur tangan walaupun kadar wang tempoh matang dalam bulan terdekat berada dalam aliran menaik.

Kadar Tawaran Antara Bank (KLIBOR) bagi wang satu bulan meningkat kepada 7.34 daripada 7.17 peratus Jumaat lalu, manakala KLIBOR tiga bulan naik kepada 7.36 peratus daripada 7.23 peratus sebelumnya. -- BERNAMA
RIZ KY rif